

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN



epada

isi

a.

uf



ATUR CARA ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN 2008

anjuran
Persatuan Guru Bahasa Melayu
Dengan sokongan
Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu
(MLLPC)

Sabtu 29 Nov 2008
Jam 1500
Grand Ballroom, Aras 2
Hotel Grand Hyatt Singapura

- 1400 Pendaftaran
- 1435 Praacara :
Lagu-lagu Tradisional Melayu oleh Zubir Abdullah
- 1500 Ketibaan Tetamu Terhormat
- 1505 Tarian Selamat Datang – Sekolah Rendah Pasir Ris
- 1510 Ucapan Pengerusi AGAB 2008
- 1515 Ucapan Tetamu Terhormat
Dr Yaacob Ibrahim
Menteri Kesekitaran dan Sumber Air
Menteri Bertanggungjawab Ehwat Masyarakat Islam
- 1525 Pembacaan Watak dan Persembahan Klip Video
Penyampaian Anugerah dan Cenderamata
- 1615 Majlis Tenambunan dan Persembahan
- Lagu-lagu oleh Zubir Abdullah
 - Deklamasi Puisi “Guru” (Mohamed Naim Daipi) oleh
Jamilah Syed Ahamed
 - Bermukun oleh Peserta Program Penyerapan ke Brunei
Darussalam
- 1646 Penutup :
Lagu oleh Zubir Abdullah dan Asnida Daud
- 1700 Majlis Berakhir

Pengacara : Asnida Daud dan Effendy Ahmadi



SEKAPUR SIRIH

MASAGOS ZULKIFLI
Setiausaha Parlimen Kanan, Kementerian
Pendidikan
dan Kementerian Ehwat Dalam Negeri
serta Pengerusi Jawatankuasa
Pembelajaran dan Penggalakan
Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC)

Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Guru-guru Bahasa Melayu (PGBM) atas usaha yang berterusan untuk mengiktiraf kecemerlangan dan profesionalisme guru-guru Bahasa Melayu di Singapura. Anugerah Guru Arif Budiman yang dianjurkan bagi tahun yang kedua ini jelas menunjukkan bahawa dalam kalangan guru Bahasa Melayu kita ramai yang cemerlang dalam kerjaya mereka dan dapat dijadikan contoh untuk mendorong guru-guru lain.

Kita ada mendengar orang mengatakan bahawa “mudah menjadi guru tetapi sukar untuk menjadi pendidik”. Hal ini ternyata kebenarannya kerana bidang pendidikan bukan sahaja melibatkan usaha mengajarkan ilmu pengetahuan tetapi menyemai nilai-nilai murni yang dapat membina jati diri anak-anak kita juga. Dengan itu, guru-guru perlulah mempunyai dorongan yang kuat, semangat yang membara serta kemahiran yang tinggi untuk menjayakan tugas mendidik dengan berkesan lagi cemerlang.

Di samping ciri-ciri tersebut serta bersifat penyayang, prihatin akan keperluan akademik, moral, sosial, emosi dan mental anak didik, guru-guru perlulah altruistik, mempunyai integriti dan berinisiatif. Guru contoh yang sedemikian akan dapat mengoptimumkan pembelajaran para pelajar kita.

Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) akan terus memberikan sokongan kepada pembelajaran bahasa Melayu di Singapura agar generasi muda dapat meneruskan warisan bahasa dan budaya kita. Saya mengucapkan tahniah kepada para pemenang Anugerah Arif Budiman 2008 dan semua guru yang telah dicalonkan. Semoga cikgu sekalian akan mencapai kejayaan yang lebih baik lagi pada masa hadapan. Sekali lagi, tahniah dan selamat maju jaya.

SEKAPUR SIRIH



WAN IMRAN WOOJDY
Pengerusi
Persatuan Guru Bahasa Melayu

Hari ini kita meraikan guru-guru kita yang arif dan budiman yang dinobatkan sebagai contoh yang baik kepada anak-anak dan rakan-rakan pendidik.

Kita sepakat bahawa para pendidik memikul amanah yang besar. Mereka adalah kurator impian anak-anak kita dan harapan orang-orang tua mereka.

Guru cemerlang mengatur, mengikat dan menyulam ilmu menjadi paduan yang menarik minat pelajar untuk mendalami lagi isi pengajaran. Guru cemerlang akan prihatin terhadap pembentukan keperibadian, keihisan dan keinsanan anak-anak didik mereka.

Guru cemerlang juga mahu dan mampu membimbing guru-guru muda dengan ikhlas dan dengan niat ilmu yang dikongsi itu akan memanfaatkan masyarakat.

Syabas dan tahniah kepada para penerima Anugerah Guru Arif Budiman 2008. Semoga anugerah ini akan mendorong mereka untuk terus menjadi insan berilmu yang membawa rahmat kepada masyarakat dan seterusnya menjadi perangsang dan teladan kepada semua.

SEKAPUR SIRIH




ABDUL HARRIS SUMARDI
Pengerusi AGAB 2008
Naib Pengerusi
Persatuan Guru Bahasa Melayu

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengetua, naib pengetua, ketua jabatan, guru, pelajar dan juga ibu bapa yang prihatin terhadap sumbangan guru atau rakan guru mereka dan telah mencalonkan guru-guru ini untuk dianugerahkan Anugerah Guru Arif Budiman bagi tahun 2008.

Sememangnya, sumbangan yang telah dibuat oleh guru-guru yang dicalonkan tahun ini sangat membanggakan. Apa yang menyerlah adalah sumbangan yang dibuat mereka untuk meningkatkan penggunaan serta peningkatan BM di luar bilik darjah. Usaha mereka ini memberikan harapan bahawa BM dapat dikembangkan dengan baik dan menyeluruh.

Tahniah saya ucapkan kepada guru-guru yang telah berjaya ke peringkat akhir. Mereka yang berjaya dianugerahkan dengan AGAB tahun ini benar-benar layak menerimanya. Sumbangan mereka amat menyerlah, merangkumi usaha meningkatkan pengajaran dan pembelajaran BM di dalam dan di luar bilik darjah dengan pedagogi yang rencam lagi menarik. Di samping itu, mereka menjalankan kegiatan-kegiatan di tahap kelompok, badan-badan akar umbi serta persatuan masyarakat. Mereka juga telah menggalakkan anak didik mereka berjinak-jinak dengan kerja-kerja kemasyarakatan yang berteraskan bahasa dan budaya Melayu. Ini merupakan jalan yang baik membentuk insan yang bukan sahaja arif malah budiman juga, insan yang bukan sahaja bijak malah sanggup dan mampu menyumbang kepada masyarakat sekelilingnya.

Sekali lagi, bagi pihak jawatankuasa penggerak AGAB 2008, saya mengucapkan tahniah kepada semua pemenang AGAB tahun ini. Syabas dan selamat maju jaya.



PENCALONAN TERAKHIR



AGAB'08

dusahakan oleh:
MOHAMED NAIM DAUPI
dengan bantuan:
REDUAN IBRAHIM
ROSLIE BUANG SIDEK

Bagi pihak:
PERSATUAN GURU BAHASA MELAYU



MOHD ASHA'ARI YUNOS

Sekolah Rendah Canberra

Pengalaman mengajar : 4 tahun

Usia : 31 tahun


Pendidikan : Sekolah Rendah Bedok South
Sekolah Menengah Bedok South
Institut Townsville
Institut Pendidikan Nasional

CCA : Badminton

Kegemaran : Mendaki gunung
badminton
bola sepak
membaca novel
menonton wayang

Sumbangan : Pernah memegang jawatan Setiausaha 2
Asas 50, Pegawai anti dadah di Kejohanan
Terbuka Badminton Singapura Menganjurkan
bengkel untuk guru dan ibu bapa

Penghargaan: Anugerah Kecemerlangan (CCA)
Outstanding contribution Award 2008




Pencapaian guru dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

"Melentur buluh biar dari rebung", pepatah seperti ini menjadi ilham kepada saya membentuk strategi memperbaiki kelemahan pelajar dalam Bahasa Melayu. Secara am, pelajar subjek Melayu di sekolah saya lemah dalam komponen kefahaman dan karangan, lantas untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa mereka, saya secara proaktif mempelbagaikan cara penyampaian pelajaran. Antaranya ialah menitikberatkan pemahaman pelajar mengenai kosa kata, setiap pelajar hendaklah memiliki beberapa rangkap pantun untuk meminta kebenaran pergi ke tandas, dan penggunaan IT serta sofwe yang ada di pasaran untuk mendidik gaya penulisan yang menarik. Ini terbukti apabila 20 daripada 60 pelajar yang disertakan untuk peraduan Penulisan Kreatif anjuran EDN telah mendapat pingat emas.

Dedikasi dan ketekalan guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Untuk memastikan penerimaan para pelajar saya terlebih dahulu hendaklah menjadi contoh. Dengan berbekalkan penulisan saya yang tersiar di akhbar serta pengalaman saya menjelajahi tempat-tempat bersejarah, para pelajar saya mendapat menerima pelajaran menerusi penyampaian secara "*first hand experience*". Justeru, minat serta ingin mencapai tahap cemerlang dalam pembelajaran pelajar mudah dibangkitkan. Motivasi ini dapat membantu para pelajar memperbaiki kelemahan mereka dan secara tidak langsung "memaksa" saya juga untuk pastikan kelemahan saya dalam mutu penyampaian pembelajaran diperbaiki dan dipertingkatkan. Selain ini, sesi perkongsian yang sering saya adakan untuk para pelawat dari dalam dan luar negara juga membantu untuk meningkatkan pengetahuan perihal sofwe serta aspek strategi pendidikan.



Keperihatinan guru terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar

Setiap pelajar mempunyai cara dan ragam yang berbeza dalam pembelajaran. Lantas, komunikasi amat penting untuk menangani sebarang masalah yang dihadapi pelajar. Dengan menyediakan saluran komunikasi yang terbuka, para pelajar dapat menghubungi saya bagi tujuan apa-apa sahaja. Pertalian erat seperti ini memudahkan mereka melihat saya sebagai "*father figure*" bukan seseorang yang harus mereka geruni walaupun saya sememangnya tegas di dalam kelas. Dengan tiadanya sempadan, mereka dapat mendapat nasihat tanpa segan dan ini membolehkan mereka mencapai prestasi yang baik dalam peperiksaan. Ini terbukti apabila salah seorang bekas pelajar saya aliran Bahasa Melayu Asas mendapat keputusan yang baik PSLE 2007 dan pelajar ini akan meneruskan pelajarannya di aliran Normal Akademik di sekolah menengahnya.

Cerminan nilai Arif Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Falsafah saya dalam pendidikan ialah mendidik para pelajar saya seperti mendidik anak sendiri demi pelestarian bahasa dan budaya Melayu. Niat utama ketika menyertai kerjaya perguruan ini ialah untuk membangkitkan pengetahuan serta pemahaman anak-anak generasi ini terhadap bahasa dan budaya Melayu yang kian dimamah era globalisasi. Lantas dengan berbekal iltizam seperti ini, saya amat giat untuk memberi pelbagai peluang yang ada bagi peningkatan para pelajar saya dalam bahasa Ibunda mereka ini. Dengan mencabar para pelajar untuk menjawab soalan-soalan kefahaman menerusi beberapa sudut pandangan walaupun tidak terkandung di dalam teks, dapat saya didik mereka dengan cara mencari jawapan tanpa saya perlu "menyuap" jawapan contoh kepada mereka dan langkah seperti ini sejajar dengan tuntutan TLLM.



SAJAK HARI IBU

Warkah Buat Ibu

Cik Ibu
 Mengapa kau pergi meninggalkanku?
 Mengapa kau sanggup meninggalkan aku
 saat-saat berkesungguhan?
 Mengapa Ibu, mengapa?

Dunia semakin menjadi-jadi
 apabila kau tiada di sisi.
 Dunia semakin kian sepi
 apabila kau meninggikan kaki-kaki ini.
 Dunia semakin gelap bila tiada mata.

Ibu, aku amat merindukan
 Akan lafaz yang manis, lembut dan penuh
 yang sentiasa mengisi kepalaku.
 Setiap senyummu telah menjadi satu memori bagiku.
 Setiap rautmu aku dicitrakan dengan dan kerinduan.
 Mengapa Ibu pergi tanpa meninggalkan sebarang barang?

Ibu, kau pergi dalam kerendahan hati dan iman.
 Tidak diiringi dengan keraguan dan kecurigaan.
 Semasa diiringi oleh semangat beragama yang suci.
 Kau amat tenang meninggalkan.
 Kau yakin Allah telah menyediakan segala-galanya.

Kau pergi dengan keyakinan, taburan iman
 akan memunculkan kebahagiaan di dunia yang fana ini,
 seperti mana kau telah menuliskan dan menandatangani.

Cik Ibu
 Dalam tangisan dan kesedihan
 Aku berharap akan pernah
 melihat dirimu dan wajahmu.
 Kala senyum yang kau berikan,
 akan menjadi panduan gerak dan laka manula.
 Aku yakin Allah yang menuntunmu
 dan Allah yang setia dan berhadapan di saat Iya.
 Kelengkapan ini masih lagi memunculkan. Ibu,
 Aku perah.


Uti Ili,
 Tidak lama lagi Ibu Ili akan pulang tiba
 Aku ingin menyambutnya dengan
 kau telah pergi jauh selama-lamanya.
 Dan Ili, apabila mendengar warkah ini tentu
 sebagai tanda kasih dan cinta anak-anak di sini.
 Sebagai tanda kasih agar kau aman di alam barzakh
 semoga Ili dan kerabatmu
 dan memampukannya di kalangan yang beriman.

Aku amat sayang padamu, Ili.
 Dan anak yang amat merindukan belaian kasihmu.
 Semoga Ili berkesempatan di padang Mahabharat.

Mohamad Ashraf Wan, 24 tahun.




Belajar sepanjang hayat amatlah penting demi pembangunan Negara serta warganya. Amatlah penting bagis etiap individu giat mempertingkatkan diri agat tidak ketinggalan dalam era yang serba moden dan pantas. Setiap pengetahuan yang diperoleh akan menjadi usang dalam sekelip mata. Oleh itu, kita perlu proaktif menghadapi cabaran seterusnya.



Salina Bte Hussin

Sekolah Rendah Pasir Ris
 Pengalaman mengajar : 8 tahun
 Usia : 34 tahun

- Pendidikan : Sekolah Rendah Ama Keng
 Sekolah Menengah Chestnut Drive
 Institusi Jurong
 Institut Pendidikan Nasional
- CCA : Bola lantai, tarian dan hoki
- Kegemaran : membaca, memasak, dan menjahit
- Sumbangan : Menulis buku "Cerita dari Zoo"
 Menganjurkan bengkel untuk guru dan ibu bapa
 Membantu anak-anak yatim di Thailand
 Kolaborasi bersama AMP-mengumpulkan dana untuk membantu keluarga yang memerlukan bantuan .
- Penghargaan : Miss Duracel
 Caring Teacher Award
 Zem Award
 Teachers Network Award 2008
 Outstanding contribution Award 2007
 Outstanding contribution Award 2008



Pencapaian guru dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Saya amat prihatin terhadap hal ehwal murid dan pelajarannya. Saya memastikan pencapaian mereka dalam Bahasa Melayu meningkat. Tahun lalu, kami mendapat keputusan yang memberangsangkan (A & A*-92.5%). Saya juga menyisipkan kesusasteraan dalam pembelajaran seperti mendeklamasi sajak, bersyair dan berpantun, menyertai peraduan berpidato, membaca syair, mendeklamasi sajak dan sebagainya (bulan bahasa E6 Kluster) menyanyi, Dalam kegiatan luar bilik darjah pula, kumpulan tarian Melayu telah meraih emas di dalam SYF.

Dedikasi dan ketekalan guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Untuk menarik minat murid, saya telah menghasilkan bahan-bahan pengajaran yang menarik mengikut tahap murid-murid seperti video, carta, kad dan "boardgame". Salah satu daripada bahan pengajaran yang saya hasilkan telah mendapat 'best Suggestion of the Month' dan dicalonkan untuk peringkat Kluster pula. Saya juga terlibat dalam penulisan buku Cerita/Aktiviti dari Taman Haiwan. Saya telah berkongsi bersama guru mengenai strategi-strategi yang menarik di dalam bilik darjah di :

- Semarak Bahasa di Innova JC
- Moe Excel Fest
- E6 Cluster Sharing
- Taman Haiwan Singapura


Saya juga melakukan pementoran terhadap guru pelatih. Melalui maklum balas mereka, saya mendapati banyak yang dipelajari mereka dan akan menggunakan strategi-strategi yang dipelajari ketika bertugas kelak. Untuk kegiatan luar bilik darjah pula pasukan bola lantai dan hoki telah mendapat juara (lelaki) dan tempat kedua (perempuan). Sementara kumpulan tarian pula mendapat "emas".



Keprihatinan guru terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar.

Setiap pagi dari pukul 7 hingga 7.30 saya akan menolong murid yang lemah dalam Bahasa Melayu demi mempersiapkan diri mereka dalam peperiksaan. Saya juga mengadakan kelas tambahan kepada murid-murid saya. Saya menolong murid EM3 yang lemah di dalam matematik di luar waktu kurikulum. Melalui kaedah konferens antara Guru-murid, saya dapat mengenali murid-murid lebih dekat. Saya membantu murid yang mempunyai masalah kewangan. Saya sedia meluangkan masa saya untuk mendengar dan memberi nasihat kepada murid yang mempunyai masalah. Saya sering berkomunikasi bersama ibu bapa demi kebaikan murid-murid saya. Saya sentiasa memberi perangsang seperti memberi kad yang mengandungi kata-kata hikmat untuk memberi mereka semangat dan motivasi menghadapi pelbagai cabaran.

Cerminan nilai Arif Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.



Agama kita menggalakkan sebarang usaha mencari ilmu sejak lahir hingga'lah akhir riwayat. Pembelajaran sepanjang hayat dan pendidikan berterusan perlu digalakkan di dalam jua murid-murid kita terutama dengan arus globalisasi dan dunia yang semakin berubah. Sebagai pendidik kita haruslah melengkapkan diri murid-murid dengan ilmu pengetahuan di samping menarapkan nilai-nilai murni.



NORHAYATI BT AWANG

Maktab Rendah Catholic

Pengalaman mengajar : 8 tahun

Usia : 31 tahun

Pendidikan: Sekolah Rendah Hong Dao

Sekolah Menengah Ahmad Ibrahim

Maktab Rendah Yishun

Universiti Nasional Singapura

CCA: Persatuan Budaya Melayu (MCS)

Kegemaran: Meluangkan masa bersama keluarga, Melancong, Memasak dan Menolong orang yang memerlukan bantuan ...



Pencapaian guru dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Antara pencapaian yang dilihat adalah apabila pelajar-pelajar saya yang kebanyakannya bukan berbangsa Melayu dapat mempraktikkan dan mengaitkan perkara yang telah diajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah dengan sebaik mungkin. Di samping itu, saya juga turut merasakan kebanggaan yang mereka miliki apabila meraih keputusan nilai tambah dalam BM peringkat 'A' mereka dan dapat berdiri sama tinggi dengan pengguna BM yang lainnya. Namun, satu pencapaian yang tidak boleh dilupakan adalah apabila salah seorang pelajar bukan Melayu saya mengambil keputusan untuk mendalami pengajian dalam bahasa Melayu di Universiti setelah didorong dengan keputusan cemerlang BM peringkat 'A'nya.

Dedikasi dan ketekalan guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Dedikasi dan ketekalan memang wajib ada dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang guru. Ini kerana ciri-ciri ini akan memastikan satu pengajaran yang baik dan berkesan serta menghasilkan kejayaan dalam diri para pelajar. Selain itu, ia juga dapat menunjukkan kepada pelajar bahawa seseorang guru itu benar-benar ikhlas, bersungguh-sungguh dan bersemangat dalam menyampaikan dan menyalurkan ilmu kepada anak didiknya dan bukan setakat menjalankan tugas yang telah diberikan kepadanya.



Keprihatinan guru terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar

Aspek kebajikan dan keperluan para pelajar merupakan keutamaan saya dalam menjalankan kerja-kerja sebagai seorang guru. Oleh sebab pelajar saya kebanyakannya kurang berminat dalam BM dan penguasaan bahasa mereka juga kurang memuaskan, saya harus berani mempelbagaikan corak pengajaran demi memenuhi keperluan mereka dan sekaligus menarik hati mereka untuk berasa seronok belajar. Bagi pelajar-pelajar yang lemah dan menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan tugas mereka, kelonggaran dan waktu tambahan akan diberi untuk mereka menyelesaikan tugas tersebut. Namun, pelajar-pelajar yang telah menunjukkan peningkatan dalam pelajaran juga tidak dilupakan. Mereka akan diberikan kata-kata pujian atau ganjaran sebagai perangsang dan semangat untuk terus mempertingkatkan BM mereka.

Cerminan nilai Arif Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Setiap pendidik tentunya ingin memberikan khidmat yang cemerlang kepada pelajar-pelajarnya. Namun, seorang guru tidak harus menumpu pada meraih keputusan yang cemerlang sahaja. Guru yang sebenar tidak akan hanya melihat pada pencapaian matlamat peribadinya. Malahan, guru itu harus berkeupayaan melihat serta mencungkil potensi dan bakat yang ada dalam diri pelajar-pelajarnya. Guru itu juga harus bijak memanfaatkan potensi atau bakat itu untuk disalurkan kepada perkara-perkara yang positif dalam kehidupan. Namun, yang lebih penting, seorang guru itu tidak harus mematkan minat para pelajarnya dalam proses menimba ilmu yang tiada penghujungnya.

AGAB 08
KATEGORI
PERANGSANG
(sekolah
menengah dan
maktab rendah)



Pendapat Tentang
Belajar Sepanjang Hayat ...
Belajar Sepanjang Hayat harus
dijadikan budaya hidup setiap orang.
Ini kerana selain dari memastikan
kita sentiasa kekal relevan dalam
dunia yang pesat berubah, ia juga
membolehkan kita menikmati
kesenangan hidup walaupun dalam
kesempitan - Yang jelas, dengan
Belajar Sepanjang Hayat, kita
tidak akan mudah terjerat dalam
lingkaran kesusahan.

Cikber Yati
10 Mei 08




AGAB 08
KATEGORI
TELADAN
(sekolah rendah)

MOHD KHIR MOHD SAPUAN

Sekolah Rendah Corporation
Pengalaman mengajar : 20 tahun
Usia : 46 tahun

Pendidikan: Sekolah Rendah Duchess
Institute of Education
University Malaya (1999-2001)
CCA: Guru Penasihat – Aktiviti Kebudayaan
Melayu
Kegemaran: Membaca
Sumbangan: Penggerak Jawatankuasa Guru-guru Kanan
Bahasa Melayu (MLSTC)
Sesi Perkongsian CPDD 2008
Excel Fest 2005
Learning Fest 2007
Program Pementoran
Pengerusi Hari Kreativiti dan Inovasi bagi
Kluster W3
Pengerusi Jk Penggerak BM CW3
Penghargaan: Outstanding Contribution Award 2007
(Team)
Outstanding Contribution Award 2008
(Team and Individual Award)




Pencapaian guru dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Menggunakan beberapa platform untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap Bahasa dan Budaya Melayu dalam kalangan guru dan murid di sekolah dan di peringkat kluster. Telah mengetuai Kumpulan Sokongan Kluster Bahasa Melayu W3 (CW3 ML CSG) selama 4 tahun. Dalam masa ini telah menganjurkan Learning Quest, HAKIM, (2007) di peringkat zon, menganjurkan Malay Language Teachers Immersion Programme (2008), memulakan Interschool Malay Language Action Research Network (IMAN) 2008). Menubuh Malay Language Senior Teachers Circle (MLSTC) bersama MTT dan memulakan Program Pementoran untuk guru sandaran dari maktab rendah dan politeknik.

Dedikasi dan ketekalan guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Menerap unsur inovasi dan keusahawan (I &E) dengan memulakan program pembelajaran di luar bilik darjah, "Learning Journey" pada aras. Melanjutkan program ini sebagai suatu program kebitaraan (niche) Bahasa Melayu untuk murid HA - merintis Program Penyerapan Sekolah (School Immersion Program) ke Brunei dan Malaysia. Menggunakan pendekatan-pendekatan pengajaran yang mengambil kira **pengalaman berbahasa** murid seperti pendekatan NIC (newspaper In Class), MPE (Meaningful picture Expression) dan LP (Literature Programme)



Keprihatinan guru terhadap kebijakan dan keperluan para pelajar

Memulakan beberapa program untuk menyokong program kebijakan di sekolah dan keperluan murid seperti "Adoption Programme" untuk menyokong pelajar yang memerlukan sokongan moral dan psikologi. Program membaca "Mekar- Failure Free Reading Programme" untuk meningkatkan literasi murid. Menganjurkan Kem Motivasi (2004-2007) "My Destiny", untuk pelajar P5 dan P6 dengan melibatkan guru pelatih, pelajar Maktab rendah dan politeknik sebagai fasilitator.

Cerminan nilai Arif Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Sebagai seorang guru seorang guru kanan (ST), saya melihat guru Arif Budiman sebagai seorang guru yang menyumbang kepada peningkatan P & P Bahasa Melayu dengan membimbing guru-guru Bahasa melampaui lingkungan sekolah, merintis program yang dapat melestarikan pembelajaran BM di peringkat sekolah, kluster dan Zon. Akhir sekali, melibatkan diri mereka dengan yang berkepentingan (stake holders) dalam Bahasa Melayu seperti MOE, PGBM, masyarakat demi memberi sokongan, kemahiran, dll




Dorongan untuk mengamalkan sikap "belajar sepanjang hayat" harus datang dari guru bahasa Melayu sendiri setelah memuhasabah diri mereka. Kemahuan meningkatkan kompetensi diri sepanjang masa harus dijadikan suatu ibadah untuk mendapatkan kelayakan yang lebih tinggi, mengikuti kursus dan latihan, membaca, mengikuti perbincangan berfokus dan lain-lain. Selain itu, mencuba idea, strategi, pendekatan dalam tugas mendidik supaya ilmu, kemahiran yang baru diperolehi lebih bermakna dan memberikan kepuasan persendirian.



Wan Alfida Suleiman

Sekolah Rendah Beacon
 Pengalaman mengajar : 13 tahun
 Usia : 46 tahun
 Pendidikan: Sekolah Rendah Melayu Indah
 CHIJ (Opera Estate)
 Sekolah Tanjong Katong Maktab
 Rendak Temasek Universiti
 Kebangsaan Singapura Institut
 Pendidikan Singapura
 CCA: Tiada
 Kegemaran: Membaca, menonton tayangan gambar,
 santai bersama keluarga
 Sumbangan: Pengasas Lelaman Web Nadi
 Pengurus Projek CD-Rom Akar
 Anggota Jk Kerja membangunkan bahan-
 bahan Interaktif BM
 Sesi Perkongsian mengenai IT
 di beberapa buah sekolah
 Penghargaan: Pemenang Anugerah Microsoft-
 MOE Professional Development
 Award (Merit) 2006
 National Day Efficiency Medal




Pencapaian guru dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Vygotsky mengatakan bahawa pembelajaran murid tergantung pada interaksi bersama guru dan murid lain (ZPD). Apabila murid mengatakan bahawa dia berasa seronok membuat aktiviti yang dirancang guru itu dan menyatakan bahawa aktiviti itu telah meninggalkan kesan yang membina , saya rasa puas. Pencapaian saya sebagai seorang guru apabila berjaya memupuk minat pelajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Dedikasi dan ketekalan guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Saya rasa salah satu cara untuk menjayakan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah dengan mempelbagaikan aktiviti untuk meransang dan menarik minat murid-murid untuk menggunakan bahasa Melayu semasa berkomunikasi. Guru harus menghadiri kursus dan perkongsian yang diadakan agar dapat mengetahui perkembangan teknologi dan pendekatan terbaru dalam pendidikan. Namun, yang lebih penting ialah menyesuaikan strategi atau pendekatan tersebut berdasarkan matlamat pembelajaran dan keupayaan murid. Pendek kata, guru mesti bersedia untuk berubah dan mengubah.



Keprihatinan guru terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar

Pertama sekali, guru patut mengenali setiap murid yang diajarnya. Guru boleh memantau perkembangan murid semasa kelas dijalankan atau bertemu ramah dengan murid dan ibu bapa. Maslow mengatakan bahawa guru perlu memastikan keperluan-keperluan asas seperti keperluan psikologi dipenuhi sebelum dapat merangsang mereka untuk berfikir dengan lebih lanjut. Tidak seorang pun patut diketepikan. Apabila guru menunjukkan fikiran yang terbuka pada pendapat-pendapat yang berbeza, murid-murid juga akan menganggap kepelbagaian itu mempunyai nilai yang tinggi.

Cerminan nilai Arif Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Sebagai seorang guru seorang guru kanan (ST), saya melihat guru Arif Budiman sebagai seorang guru yang meyumbang kepada peningkatan P & P Bahasa Melayu dengan membimbing guru-guru Bahasa melampaui lingkungan sekolah, merintis program yang dapat melestarikan pembelajaran BM di peringkat sekolah, kluster dan Zon. Akhir sekali, melibatkan diri mereka dengan yang berkepentingan (stake holders) dalam Bahasa Melayu seperti MOE, PGBM, masyarakat demi memberi sokongan, kemahiran , dll

AGAB 08
KATEGORI
TELADAN
 (sekolah rendah)



*Kita perlu terus mencari ilmu
 agar minda kita sentiasa aktif
 dan tidak mudah dibelenggui masalah.*


*~Wan Afida Suleiman, 2008
 Guru, Sekolah Rendah Beacon*



AGAB 08
KATEGORI
TELADAN
 (sekolah menengah dan maktab rendah)

ABD MALEK BIN AHMAD

Maktab Rendah Tampines
 Pengalaman mengajar : 18 tahun
 Usia : 41 tahun
 Pendidikan: Sekolah Rendah Beatty (1974-1979)
 Institusi Raffles (1980 – 1983)
 Maktab Rendah Nanyang (1984-1985)
 Institut Pendidikan (1988-1990)
 Universiti Malaya (1993-1997)
 Universiti Teknologi Nanyang (2008-2011)
 CCA: Jawatankuasa Disiplin
 Persatuan Bahasa Melayu
 Kegemaran: Teknologi Maklumat dan Muzik
 Sumbangan: Setiausaha Agung, Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura
 Penghargaan:
 Outstanding Contribution Award – 1985
 Public Spiritedness Award (IE) – 1990
 Comrade of Labour Award (NTUC) – 2006
 Finalist, President Award for Teachers – 2008
 Associate of Teachers Network Award – 2008




Pencapaian guru dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Saya terlibat secara langsung dalam Program Bahasa Pilihan (Melayu) atau lebih dikenali sebagai MLEP. Melalui program ini, pelajar-pelajar bahasa Melayu yang berkebolehan dan berbakat berpeluang meningkatkan kemahiran berbahasa mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Para pelajar MLEP mengikuti pelbagai aktiviti pengayaan dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti kebahasaan di peringkat nasional. MLEP di TPJC boleh dianggap sebagai pusat pengajian bagi bahasa, sastera dan budaya Melayu di peringkat Pra-U.

Dedikasi dan ketekalan guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Saya sentiasa menekankan pengajaran dan pembelajaran melalui pengalaman. Apabila kita belajar tentang bahasa, kita mengasah pelbagai kemahiran termasuk, mendengar, membaca, bertutur dan menulis. Pelajar-pelajar harus didedahkan kepada pelbagai situasi pembelajaran, baik yang formal mahupun yang tidak formal. Oleh itu pembelajaran bukan sahaja berlaku di bilik darjah tetapi para pelajar menghadiri seminar, forum, sesi dialog dan beraneka kegiatan kebahasaan. Dengan cara ini, para pelajar dapat mengalami sendiri kepelbagaian penggunaan bahasa Melayu baik dari segi laras bahasa, kesantunan bahasa dan ragam bahasa.



Keprihatinan guru terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar

Terdapat beberapa pelajar yang mempunyai keluarga yang berpendapatan rendah. Selain mendapat bantuan kewangan daripada pihak sekolah, saya pastikan yang pendidikan mereka tidak terabai. Kemudahan dan peralatan sokongan seperti komputer dan bahan rujukan bagi pengajian bahasa Melayu saya dermakan kepada para pelajar tersebut. Para pelajar yang tidak mampu membayar kos bagi program penyerapan juga dibantu supaya mereka dapat sama-sama menimba ilmu dan pengalaman berharga dan bermakna di luar negara.

Cerminan nilai Arif Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Saya selalu mengingatkan para pelajar bahawa ilmu yang diperoleh mereka tidak akan bermakna jika mereka tidak berkongsi maklumat tersebut dengan rakan-rakan, keluarga dan masyarakat. Dalam proses menimba ilmu setinggi mungkin, mereka harus bersedia untuk berkongsi ilmu tersebut dan menabur bakti kepada masyarakat. Saya mengamalkan kepimpinan melalui teladan. Saya berkongsi dengan pelajar bagaimana saya berkongsi ilmu dengan pelajar, warga guru dan masyarakat umum melalui penglibatan saya dalam kerja-kerja kemasyarakatan dengan badan Melayu/ Islam seperti KGMS, Mendaki, AMP, MUIS, Taman Warisan dan badan pemerintah seperti MCYS, NLB dan MICA. Dengan cara ini, masyarakat dapat memanfaatkan ilmu yang dikongsi dan sama-sama maju menuju masyarakat yang cemerlang, insya-Allah.

AGAB 08
KATEGORI
TELADAN
(sekolah
menengah dan
maktab rendah)



*Dalam dunia yang berkembang
dengan pesat tanpa mengendal
sikap, belajar sepanjang
hayat menjadi suatu keperluan
bagi memastikan setiap generasi
ditengkapi dengan ilmu dan
kemahiran yang relevan bagi
menyamir masa depan, kemajuan
dan penakatan generasi yang
akan datang, Insha-Allah.*



AGAB 08
KATEGORI
TELADAN
(sekolah
menengah dan
maktab rendah)

SAZALI BIN SAHRI

Sekolah Tinggi Pemerintah Bukit Panjang

Pengalaman mengajar : 17 tahun

Usia : 42 tahun

Pendidikan: Sekolah Rendah Ama Keng Sekolah
Rendah Corporation Sekolah Menengah
Jurong
Maktab Rendah Kebangsaan
Institut Pendidikan (IE) (Certificate-in-
Education 1989)

Institut Pendidikan Kebangsaan (NIE/NTU)
(Sarjana Muda, Kepujian, 2006)

CCA: ASEAN Scholars Recruitment & Tukikan
EMAS (Elective Malay in Sec School)

Kegemaran: mengembara, membaca, antropologi,
kegiatan tahan lasak, membuat orang
bahagia.

Sumbangan: Penolong Bendahari PCF (PAP Community
Foundation)-cawangan Boon Lay.



Penasihat Kanan – Kelab Belia @
Boon Lay.
Penulis Petisyen bagi Sesi bertemu
Masyarakat Boon Lay.
Naib Pengerusi MAEC Kelab
Masyarakat Boon Lay.
Anggota Jk Kerja membangunkan
bahan-bahan Interaktif BM
Sesi Perkongsian mengenai IT Di
beberapa buah sekolah
Penghargaan: Pemenang Anugerah Microsoft-
MOE Professional Development
Award (Merit) 2006
National Day Efficiency Medal

Pencapaian guru dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan minat belajar terhadap bahasa dan budaya Melayu.

50 peratus daripada pencapaian murid adalah hasil pembelajaran dan pendidikan oleh guru sekolah dan 50 peratus lagi melalui usaha gigih murid itu sendiri. Kemahiran bahasa dan budaya Melayu yang diperolehi daripada pendidikan formal hingga ke universiti dan latihan, seminar, perkongsian dan kursus/bengkel dalam perkhidmatan (In-service courses) yang guru hadir akan memperkuatkan dan berkiprah untuk melakarkan sesi pelajaran dalam kelas menjadi menarik dan memikat hati murid. Kepelbagaian pedagogi dapat meningkatkan minat pelajar untuk meneroka sesuatu yang baharu.

Dedikasi dan ketekalan guru dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di dalam dan di luar bilik darjah.

Guru yang berdedikasi mestilah mempunyai 'SIKAP' yang betul apabila menersukan kerjayanya. Sikap amanah, kreatif, bijak memanfaatkan bahan pengajaran dan pembelajaran, pandai mengimbang waktu, dan cerdik mengaitkan pembelajaran dalam teks atau bahan pelajaran dengan kehidupan yang hakiki, serta kisah yang rapat dengan jiwa pelajar dapat meningkatkan pembelajaran dan pengajaran.



Pembelajaran bahasa dan budaya bukan kelas yang bertembok segiempat. Kelas ialah alam sekeliling, dan aktiviti masyarakat harian menjadi wadah dan pentas pengajaran dan pembelajaran.

Keprihatinan guru terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar.

Keprihatinan saya terhadap kebajikan dan keperluan para pelajar memang mendalam. Hal itu adalah kunci induk. Setiap tahun, saya akan bekerjasama dengan HOD/Pupil Welfare untuk menilai dan mendaftar murid yang memerlukan bantuan kewangan (Financial Assistance) melalui Skim Bantuan Kewangan (FAS), dan mendapatkan komputer percuma daripada School of Media & Information Technology, Politeknik Singapura

Cerminan nilai Arif Budiman melalui khidmat yang cemerlang sebagai pendidik.

Saya harus mencerminkan nilai-nilai Arif Budiman kepada / untuk pelajar-pelajar saya seperti :

- Menyelaras Pembelajaran Sastera Melayu bagi 7 buah sekolah
- Berkongsi pengalaman dan teknik pengajaran dengan guru-guru lain
- Menjalankan pementoran untuk guru-guru terutama guru-guru muda.
- menggembeng tenaga bersama guru-guru untuk mencapai visi Arif Budiman menerusi program bahasa dan sastera di sekolah dan luar sekolah.
- Bertindak sebagai kaunselor
- Naib Pengerusi MAEC di Boon Lay
- Menyumbang bakti dalam Sesi Bertemu Masyarakat di kawasanundi Boon Lay.
- Naib Bendahari PCF (PAP Community Foundation) di Boon Lay.

AGAB 08
KATEGORI
TELADAN
 (sekolah menengah dan maktab rendah)



Pembelajaran sepaijang hayat sememangnya patut menjadi pegangan semua guru. Ilmu yang ditampuh dan dituntut itu butiran untuk 'panghadaman' penuntut maruatala sikap positif dan ikhlas apabila memuntut ilmu itu yang harus di makotakan.

SEKITAR ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN 2007



ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

3 Nov 2007 Furama Riverfront Singapore

Tetamu Terhormat
 Encik Tharman Shanmugaratnam
 Menteri Pendidikan merangkap Menteri Kedua Kewangan

Tajaan: MLLPC Lee Foundation



Majlis Ugama Islam Singapura





Pemenang Anugerah Arif Budiman 2007

- 1) Elmi Zulkarnain (perangsang – sekolah rendah)
- 2) Nur Ashikin Sapri (perangsang – sekolah menengah)
- 3) Mohamed Naim Daipi (teladan – sekolah rendah)
- 4) Ishak Latiff (teladan – sekolah menengah)



sajak

GURU

sempena

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN 2008

oleh:

MOHAMED NAIM DAUPI

MTT/E3

Guru masa dulu
Guru yang berfasakan penakatan
Guru masa kini
Guru yang berfasakan kecemerlangan
Guru masa muka
Guru yang berfasakan keajaiban

Guru masa dulu
Guru yang mementingkan kesamaan
Guru yang suka mengatur uniformiti
dan menjadikan peraturan sebagai pegangan professionalismnya
Guru masa kini

Guru yang memusuhi keseragaman
Guru yang penuh dengan kreativiti
dan mencuba segala macam strategi
bagi memenuhi matlamat pengajarannya
bagi menyudahi sukatan yang terlalu mengikat

Guru masa muka
Guru yang menolak angguk-angguk tanda mengiyakan segalanya
Guru yang tidak geleng-geleng untuk menyatakan simpatisannya
Guru yang penuh dengan pemikiran kritisnya
Dan melangkahi pita merah untuk terus berlari
Dan berlari tanpa garis penamatnya

Guru yang membentuk kurikulumnya sendiri berasaskan sekolah dan pelajarannya

Guru masa dulu
Guru yang mahu memandaikan murid-muridnya
Yang dapat membaca abc, alif ba ta dan mengira satu dua tiga
Yang dapat menghafaz tawarikh nusa bangsanya
Dengan latih tubinya
Yang dapat melukis gambar sebuah rumah panggung Melayu
Dalam damai pantai dengan dua tiga batang pokok kelapa

Guru masa kini

Guru yang mahu membestarikan pelajaranya
Yang dapat menawarkan semua jenis masalah
Dengan pendekatan 'problem solving'nya

Yang menjadikan ruang dan luang gelanggang silatnya
Yang menjadikan sejarah titik tolak rancangan masa depannya

Guru masa muka

Guru yang mahu mengarifbudimankan anak didiknya
Dengan pelbagai kajian tindakannya
Yang dapat bersikap global
Yang dapat mengadunkan akal dan akarnya menghadapi segala musim
Yang berlumba-lumba mencipta sejarah unggul bangsanya

Guru masa dulu

Guru yang mengumpamakan pelajaranya sebiji pinggan
Dengan mengisi segala macam makanan
Yang ramuannya antara lain;
Semangkuk santan pekat, secubit garam,
Segenggam pulut yang bercampur dengan sekati beras
Kemudiannya menyuapi pelajaranya sehingga pelajaranya, ada yang terbegik

Guru masa kini

Guru yang memberikan ramuan yang cukup-cukup
Beserta resipi mami Asmah Laili yang lengkap dengan peraturan yang harus dipatuhi
Yang menggantikan semangkuk santan dengan sekotak susu
Dengan ruang waktu yang terbatas untuk menyediakan masakannya.
Walaupun tidak disuap tetapi terlupa akan adab ketika makan

Guru masa muka

Guru yang menggalakkan pelajaranya mencari ramuan-ramuannya sendiri
Melakarkan resipinya agar menjadi cef-cef yang inovatif
Mengambil kira nilai komersil dan kesihatan yang seimbang
Kemudian memasaknya untuk santapan bersama.

Guru masa dulu

Guru yang mengumpamakan dirinya sebagai dian
Yang menerangi orang lain dan membakar dirinya
Lantas, kita menjadi tertanya-tanya
Kalau sudah terbakar dan cair, bagaimana nak bersinar lagi?

Guru masa kini

Guru yang mengibaratkan dirinya sebagai lampu suluh
Yang memandu orang lain dalam kegelapan
Yang kadang-kadang terlupa hendak mengecaj baterinya

Guru masa muka

Guru yang mempelbagaikan dirinya
Kadang-kadang menjadi bintang
Yang jauh tetapi dekat
Yang bersinar siang dan malam
Kadang-kadang menjadi matahari
Yang terus bersinar tetapi tidak pernah membakar dirinya.
Kadang-kadang menjadi lampu suluh
Yang menggunakan kuasa laser
Tanpa bersusah-susah hendak mengecaj baterinya.

Guru masa dulu

Guru yang menjadikan Cikgu Ariff sebagai mentornya
Guru yang menggunakan bahasanya dengan persis
Guru yang mengajarkan adab dan kesantunan
Guru yang berfikiran induktif
Guru masa kini
Guru yang kehilangan modelnya
Tetapi bervisikan Arif Budiman
Guru yang menggunakan bahasa dengan pendekatan komunikatif
Tetapi sering mengabaikan tatabahasanya

Guru yang berfikiran deduktif

Guru masa muka

Guru yang dituntut Pak Masagos
perluah altruistik, berintegriti dan berinisiatif

Guru yang bersedia mengisi kemahiran 2015

Guru yang melingkari pendekatan gabungjaln

Guru yang bersedia menjadikan anak-anak Melayu bersifat global

Guru masa dulu

Guru yang mengadakan pembelajaran dengan budayanya

Agar budayanya terus lestari

Agar bahasanya terus berciri semberani

Guru masa kini

Guru yang mengutamakan kemahiran berfikir
Tetapi kehilangan kemahiran budayanya

Guru masa muka

Guru yang akan bersusah payah membudayakan anak bangsanya

Di tengah-tengah kita yang mula luntur pengucapan bahasanya

Di tengah-tengah kita yang bahasanya tidak menjunjung budaya lagi

Guru masa dulu

Guru masa kini

Guru masa muka

Guru yang mengarifkan kebudiannya

Guru yang membudimankan kearifannya.

Mohamed Naim Daipi

22 November 2008